

SOALAN NO: 183

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : YB SENATOR TUAN ER TECK HWA [BAKRI]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 183**

**YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah warganegara yang menyertai dan tidak dapat menyertai kempen derma darah bagi setiap daerah dari tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan sehingga 30/09/2017. Berapa permohonan aktiviti kempen derma darah yang telah diluluskan, diproses dan ditolak oleh Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Malaysia merupakan salah satu daripada 60 negara di seluruh dunia yang mengamalkan sistem pendermaan darah secara sukarela (**voluntary non-remunerated donation**) sejajar dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (**WHO**). Berdasarkan prinsip ini, tiada data yang direkodkan bagi warganegara yang tidak dapat menyertai kempen derma darah.

pembinaan iaitu projek Sibu, Matang, Semenggoh dan Bintawa. Manakala projek-projek selebihnya masih dalam peringkat perancangan.

Berkenaan pencapaian pula, PR1MA semakin hampir untuk mencapai sasaran kediaman siap dibina yang telah ditetapkan bagi tahun 2017. PR1MA telah menetapkan sasaran kediaman yang akan siap pada hujung tahun 2017 sebanyak 16,250 unit. Lokasi projek tersebut adalah di Kedah, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur, Johor dan Perak. Jumlah ini adalah mengikut perancangan dan dijangka akan meningkat kelak.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya Anggota Perbadanan PR1MA (Ahli Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 261,248 unit kediaman di seluruh Malaysia. Jumlah ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa mengikut kekerapan mesyuarat. Daripada jumlah tersebut 141,661 unit sedang berada dalam pembinaan manakala jumlah selebihnya dalam peringkat perancangan.

Bagi perancangan di Negeri Sarawak pula, setakat ini sebanyak 17,911 unit telah diluluskan. Lokasi bagi projek kediaman PR1MA di Negeri Sarawak adalah di kawasan Parlimen Sibu, Santubong, Petrajaya, Mambong, Bintulu, Bandar Kuching, Kota Samarahan, Stampin, Miri dan Serian. Berkenaan pembangunan di kawasan Parlimen Sibu, sebanyak 1,096 unit kediaman akan disediakan bagi kawasan tersebut.

Pada masa ini kesemua projek-projek kediaman PR1MA di Negeri Sarawak masih dalam perancangan dan dalam pembinaan. Secara amnya daripada jumlah projek yang telah diluluskan, sebanyak 6,868 unit kediaman sedang dalam